

PBS lancar program MBA Pemasaran-CPM (Asia)



Merakamkan kenangan sempena pemerintahan MoA dan pelancaran program MBA Pemasaran - CPM (Asia).

Serdang: Putra Business School (PBS) meraih satu lagi kejayaan apabila memeterai memorandum perjanjian (MoA) dengan Institute of Marketing Malaysia (IMM) di PBS, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, baru-baru ini.

Pada pemerintahan itu, PBS diwakili oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Prof Dr Zulkornain Yusop, manakala IMM diwakili oleh Presidennya, Datuk Sharifah Mohd Ismail.

Ahli Kehormat IMM, Tan Sri Rafidah Aziz, dan Naib Canselor UPM, Prof Dr Datin Paduka Aini Ideris, turut hadir serta menyaksikan majlis pelancaran program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Pemasaran-Certified Professional Marketer (CPM) Asia.

Naib Presiden IMM, Prof Datuk Dr Marimuthu Nadasan; CEO Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Raduan Che Rose; dan Ahli Lembaga Yayasan Putra Business School, Datuk Dr

Syed Hussain Syed Husman, juga hadir.

Adanya program baru MBA Pemasaran itu menjadikan PBS institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pertama di negara ini yang melaksanakan inisiatif melalui kerjasama dengan IMM.

Tambah nilai program
Sehubungan itu, kerjasama berkenaan akan menambah nilai program yang baru dilancarkan oleh PBS untuk pelajar, khususnya dalam bidang pemasaran.

Antara keistimewaan program itu ialah dapat memberikan mereka kelebihan daya saing dan kebolehpasaran lebih tinggi bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di rantau ini.

Apabila tamat pengajian, graduan akan menerima kedua-dua MBA Pemasaran dan CPM (Asia).

Program itu secara amnya mempertingkatkan kemahiran pemasaran dan kepimpinan.

Kerjasama dengan IMM penting dan tepat pada

masanya untuk mencapai objektif PBS melahirkan pemimpin.

Dapat akreditasi
Matlamat PBS ialah memupuk pemimpin masa hadapan yang mengamalkan prinsip dan nilai tadbir urus insan.

PBS ialah antara sekolah perniagaan elit di rantau ini yang mendapat akreditasi daripada Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB).

Program akademik yang baru ditawarkan oleh PBS termasuklah MBA dalam Pengurusan Potensi Manusia (dengan kerjasama Malaysian Institute of Human Resource Management) dan MBA dalam Perakaunan.

Semua program ditawarkan mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai PBS, boleh layari laman sesawang: www.putrabusinessschool.edu.my.

Melahirkan Graduan Bertaraf Antarabangsa Adalah Matlamat Kami

Di Kolej CONSIST kami menyediakan 4 bidang pengajian dan pengkhususan utama yang dapat melahirkan profesional di bidang Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

Kursus-kursus yang ditawarkan telah mendapat pengiktirafan Kementerian Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia.



CONSIST College
COLLEGE OF SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT

Kursus-kursus yang ditawarkan

- 1.0 DIPLOMA IN OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MANAGEMENT (A6756)
- 2.0 DIPLOMA IN ERGONOMICS (A8636)
- 3.0 DIPLOMA IN INDUSTRIAL HYGIENE (PA7546)



Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Ibu pejabat CONSIST: Lot 330, Bt.8, Jln Ulu Kelang, 58000 Ampang, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-4108 9355
013-461 7362 (En Saiful) / 016-625 2738 (En Shahrin) / 012-320 1264 (Pn Aida) | Faks: 03-4105 8578 |
E-mel: hq@consist.com.my/infocollege@consist.edu.my | website: www.consist.edu.my



Prof Zulkornain (dua dari kiri) dan Sharifah (dua dari kanan) menyempurnakan pemerintahan MoA antara PBS dengan IMM.